



## MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGAM

### IKLAN JAWATAN KOSONG

Permohonan adalah dipelawa kepada Rakyat Negeri Johor Darul Takzim atau Warganegara Malaysia yang telah bermastautin di Johor selama 5 tahun atau lebih yang berkelayakan dan berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan untuk mengisi kekosongan jawatan berikut di Majlis Daerah Simpang Renggam.

#### A. NAMA JAWATAN

Bil	Jawatan	Gred	Kekosongan	Kumpulan Perkhidmatan	Jadual Gaji ( Minimum Maksimum)
1	Jurutera	J41/J44	1	Pengurusan dan Profesional	RM2,529.00– RM9,643.00



1. (a) Skim Perkhidmatan : Jurutera  
(b) Kumpulan Perkhidmatan : Pengurusan dan Profesional  
(c) Klasifikasi Perkhidmatan : Kejuruteraan  
(d) Gred Jawatan : J41

2. JADUAL GAJI

**Jadual Gaji**

<b>Minimum</b>	RM 2,529.00
<b>Maksimum</b>	RM 9,643.00
<b>Kadar Kenaikan Gaji Tahunan</b>	RM 225.00
<b>Elaun Tetap Perumahan</b>	RM 300.00
<b>Elaun Tetap Khidmat Awam</b>	RM 300.00

3. SYARAT LANTIKAN

1. Calon bagi lantikan hendaklah memiliki kelayakan seperti berikut :-

- (a) warganegara Malaysia  
(b) berumur tidak kurang dari 18 tahun pada tarikh tutup iklan jawatan ; dan  
(c) Ijazah Sarjana Muda Kejuruteraan yang diiktiraf oleh Kerajaan daripada institusi pengajian tinggi tempatan atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya

(Gaji permulaan ialah pada Gred J41 : RM 2,529.00) ; atau

4. SYARAT KELAYAKAN BAHASA MELAYU

- : Calon bagi lantikan hendaklah memiliki **KEPUJIAN** (sekurang-kurangnya Gred C) dalam subjek Bahasa Melayu pada peringkat Sijil Pelajaran Malaysia/ Sijil Vokasional Malaysia atau kelulusan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan.

5. SYARAT PENINGKATAN SECARA LANTIKAN

- : Pegawai sedang berkhidmat dalam perkhidmatan Penolong Jurutera dan Pemeriksa Kereta Motor Gred AB29/30, AB36, AB38 dan AB40 adalah layak dipertimbangkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan untuk Peningkatan Secara Lantikan ke jawatan Jurutera Gred J41, tertakluk kepada kekosongan jawatan, apabila telah disahkan dalam perkhidmatan dan:

(a) (i) mempunyai kelayakan di perenggan 1 (c); dan

(ii) Lulus Peperiksaan Badan Ikhtisas Bahagian 1 dan 11 anjuran Lembaga Jurutera Malaysia /Institut Jurutera Malaysia atau kelayakan yang diiktiraf setaraf dengannya oleh Kerajaan: dan

(b) Had umur pelantikan:

(i) berumur kurang dari 54 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 55 atau 56 tahun; atau

(ii) berumur kurang dari 56 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 58 tahun; atau

(iii) berumur kurang dari 58 tahun pada tarikh lantikan bagi pegawai yang umur persaraan paksa 60 tahun

6. PENETAPAN GAJI PERMULAAN : Gaji permulaan yang lebih tinggi daripada gaji minimum gred J41 boleh ditetapkan oleh Pihak Berkuasa Melantik berkenaan berasaskan kepada pengalaman kerja berkaitan
7. TEMPOH PERCUBAAN : Pegawai yang dilantik adalah dikehendaki berkhidmat dalam tempoh percubaan selama 1 hingga 3 tahun
8. LATIHAN : Pegawai boleh dikehendaki mengikuti latihan yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan yang berkenaan.
9. PROGRAM TRANSFORMASI MINDA/PEPERIKSAAN : Pegawai dalam percubaan adalah dikehendaki hadir dengan jayanya Program Transformasi Minda yang ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan yang berkenaan.
10. PENGESAHAN DALAM PERKHIDMATAN : Pegawai yang dilantik adalah layak disahkan dalam perkhidmatan apabila telah :
- (a) memenuhi tempoh percubaan;
  - (b) dengan jayanya Program Transformasi Minda dan yang ditetapkan; dan
  - (c) diperakukan oleh Ketua Jabatan/ Perkhidmatan

- 11 PERGERAKAN GAJI TAHUNAN : Pergerakan Gaji Tahunan adalah tidak automatik dan akan ditetapkan oleh Ketua Jabatan/Perkhidmatan berdasarkan prestasi perkhidmatan.
- 12 TARAF JAWATAN : **TETAP**

**CARA MEMOHON :**

13. Permohonan hendaklah dibuat dalam Borang Permohonan Jawatan yang boleh didapati dengan memuat turun borang di laman web <http://www.mdsrenggam.gov.my>.
14. Permohonan dari pegawai-pegawai yang sedang berkhidmat dengan Kerajaan/Pihak Berkuasa Tempatan /Badan Berkanun hendaklah dibuat melalui Ketua Jabatan masing-masing mengikut Peraturan-Peraturan Pegawai Awam (Pelantikan,Kenaikan Pangkat Dan Penamatan Perkhidmatan) 2012 Peraturan 18.

Borang permohonan yang telah **lengkap diisi** hendaklah dihantar kepada:

YANG DIPERTUA  
MAJLIS DAERAH SIMPANG RENGGAM  
JABATAN KHIDMAT PENGURUSAN  
(BAHAGIAN SUMBER MANUSIA)  
KOMPLEKS PENTADBIRAN  
JALAN PERSIARAN MUFAKAT  
86200 SIMPANG RENGGAM  
JOHOR

**TARIKH TUTUP PERMOHONAN : 28 JANUARI 2024 (AHAD)**

*(sila nyatakan nama jawatan yang dipohon pada penjuru sebelah kiri sampul surat)*

15. Sila nyatakan jawatan yang dipohon di kiri sebelah atas sampul berkenaan semasa memohon dan mengembalikan borang-borang permohonan. Semua permohonan hendaklah disertakan dengan salinan:
- i. salinan kad pengenalan yang telah disahkan
  - ii. salinan sijil kelahiran yang telah disahkan
  - iii. salinan sijil-sijil persekolahan yang telah disahkan
  - iv. 1 keping gambar yang terbaru berukuran passport
  - v. lain-lain dokumen sokongan yang telah disahkan oleh Pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional dari Gred 41 dan ke atas
16. Pemohon juga hendaklah menyediakan 'video resume' sebagaimana berikut :
- 16.1. Berdurasi tidak lebih dari 3 minit
  - 16.2. Menggunakan suara pemohon sebenar
  - 16.3. Kandungan video hendaklah merangkumi perkara-perkara seperti di bawah :
    - 16.3.1. Ringkasan latarbelakang keluarga pemohon.
    - 16.3.2. Ringkasan latarbelakang pendidikan pemohon.

- 16.3.3. Ringkasan pengalaman kerja pemohon.
  - 16.3.4. Pekerja/aktiviti terakhir atau semasa pemohon.
  - 16.3.5. Ringkasan pencapaian/anugerah tertinggi pemohon.
  - 16.3.6. Ringkasan dan hobi kegiatan luar pemohon.
  - 16.3.7. Ringkasan penglibatan pemohon di dalam masyarakat atau 'NGO'.
  - 16.3.8. Ringkasan kelebihan/kesesuaian pemohon dengan jawatan yang dipohon.
  - 16.3.9. Ringkasan matlamat dan perancangan masa depan pemohon.
  - 16.3.10. Ringkasan kelemahan/kekurangan pemohon.
17. Pemohon digalakkan menghasilkan 'video resume' yang unik dan kreatif.
  18. Semua 'video resume' hendaklah dihantar melalui email kepada urusetia di alamat [info@mdsrenggam.gov.my](mailto:info@mdsrenggam.gov.my)
  19. Pemohon hendaklah menyertakan transkrip keputusan setiap semester dan juga salinan Ijazah berkaitan.
  20. Pemohon yang tidak mematuhi peraturan yang ditetapkan akan ditolak
  21. Semua dokumen perlu disahkan oleh pegawai dari Kumpulan Pengurusan dan Profesional gred 41 dan keatas sahaja.

Hanya calon-calon yang berkelayakan setelah ditapis dan didapati sesuai sahaja akan dipanggil untuk temuduga. Permohonan yang tidak menerima sebarang jawapan selepas enam (6) bulan dari tarikh tutup iklan adalah dianggap sebagai **tidak berjaya**.